

PELAKSANAAN *OUTCOMES BASED EDUCATION* (OBE) DALAM
KALANGAN PENSYARAH DI FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN
VOKASIONAL

NOR AMANINA IZYAN BINTI ARIFIN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat perancangan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Univesiti Tun Hussien Onn Malaysia

JANUARI 2013

ABSTRAK

Outcomes Based Education (OBE) merupakan satu pendekatan yang terbaik untuk melihat pencapaian pelajar di dalam mengaplikasikan pengetahuan pembelajaran dan turut memudahkan pengajaran pensyarah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap kesedaran dan tahap pemahaman pensyarah dalam pelaksanaan OBE. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti halangan yang dihadapi oleh pensyarah dalam melaksanakan OBE. Sampel kajian ini adalah terdiri daripada 38 orang pensyarah yang terlibat secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Dalam kajian ini, reka bentuk kajian yang digunakan adalah tinjauan manakala instrumen yang digunakan pula adalah borang soal selidik. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) versi 16.0. Nilai alpha cronbach yang diperolehi dalam kajian rintis ini adalah 0.801. Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap kesedaran pensyarah terhadap pelaksanaan OBE adalah tinggi begitu juga dengan tahap pemahaman pensyarah yang berada pada tahap yang tinggi. Manakala dari aspek halangan pula mendapati bahawa halangan yang dihadapi oleh pensyarah berada pada tahap yang sederhana. Namun begitu, halangan sokongan dari pihak fakulti menunjukkan halangan yang tinggi yang dihadapi oleh para pensyarah di situ. Kajian ini juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesedaran pensyarah terhadap pelaksanaan OBE dengan umur pensyarah. Begitu juga dengan pengalaman mengajar pensyarah yang menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan dengan tahap kesedaran pensyarah terhadap pelaksanaan OBE.

ABSTRACT

Outcomes Based Education (OBE) is the best approach to look at students' achievement in learning and applying knowledge. At the same time, it also assists the lecturers in applying the teaching process. Hence, the study is carried out to identify the level of lecturers' consciousness and understanding towards the implementation phase of OBE. In addition, this study also aims to identify barriers faced by lecturers in implementing OBE. The sample in this case study comes from 38 of lecturers whom are actively involved in teaching and learning in Technical and Vocational Education faculty. In this study, method of survey and questionnaire are used. The data obtained were analyzed using Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 16.0. Cronbach alpha value that is obtained in this pilot study is 0.801. The result of the analysis shows that the level of lecturers' consciousness is high as well as the level of lecturers' understanding. While in terms of obstruction, it is found that the obstacles faced by the lecturers were at the medium level. However, the barrier support from the faculty show high barriers faced by the lecturers there. This study also shows that there is no significant distinction between the stages of the implementation of OBE by lecturers' consciousness with lecturers' age. Similarly, lecturers teaching experience shows that there is no significant difference in the level of awareness on the implementation of OBE.

KANDUNGAN

	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB I	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang masalah	3
	1.3 Pernyataan masalah	6
	1.4 Objektif kajian	6
	1.5 Persoalan kajian	7
	1.6 Hipotesis kajian	7
	1.7 Kerangka konseptual kajian	8
	1.8 Skop kajian	8
	1.9 Kepentingan kajian	9
	1.9.1 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	9
	1.9.2 Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional	9
	1.9.3 Pensyarah	9
	1.10 Batasan kajian	10

	1.11	Definisi istilah	10
		1.11.1 Kesedaran	11
		1.11.2 Kefahaman	11
		1.11.3 <i>Outcomes Based Education (OBE)</i>	11
		1.11.4 Halangan	11
		1.11.5 Pensyarah	11
		1.11.6 Pengajaran	12
		1.11.7 Pembelajaran	12
	1.12	Rumusan	12
BAB 2		SOROTAN KAJIAN	13
	2.1	Pengenalan	13
	2.2	Sistem pendidikan di Malaysia	13
	2.3	Kaedah pengajaran dan pembelajaran	15
		2.3.1 Kaedah pengajaran secara konvensional	16
		2.3.2 Kaedah pengajaran berpusatkan Pelajar	18
	2.4	<i>Outcomes Based Education (OBE)</i>	19
		2.4.1 Teori <i>Outcomes-Based Education (OBE)</i>	22
		2.4.2 Prinsip-prinsip <i>Outcomes Based Education (OBE)</i>	23
		2.4.3 Sistem pembelajaran <i>Outcomes-Based Education (OBE)</i>	25
		2.4.4 Kelebihan <i>Outcomes Based Education (OBE)</i>	26
		2.4.5 Kesan pembelajaran <i>Outcomes Based Education (OBE)</i>	26
	2.5	Halangan dalam pelaksanaan OBE	28
	2.6	Rumusan	33
BAB 3		METODOLOGI	34
	3.1	Pengenalan	34
	3.2	Reka bentuk kajian	34
	3.3	Kerangka operasi kajian	35

3.4	Lokasi kajian	37
3.5	Populasi dan sampel kajian	37
	3.5.1 Populasi kajian	38
	3.5.2 Persampelan dan sampel kajian	38
3.6	Instrumen kajian	39
	3.6.1 Borang soal selidik	39
	3.6.2 Pembangunan soal selidik	40
3.7	Kesahan instrumen	42
3.8	Kajian rintis	43
3.9	Kaedah pengumpulan data	44
3.10	Kaedah analisis data	45
	3.10.1 Kaedah analisis statistik deskriptif	45
	3.10.2 Kaedah analisis inferensi	46
3.11	Rumusan	48
BAB 4	ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN	49
4.1	Pengenalan	49
4.2	Analisis demografi data	50
	4.2.1 Jantina	50
	4.2.2 Umur	51
	4.2.3 Pengalaman mengajar	52
	4.2.4 Tahap pendidikan	53
4.3	Analisis tahap kesedaran pensyarah terhadap pelaksanaan OBE	54
4.4	Analisis tahap kefahaman pensyarah terhadap pelaksanaan OBE	55
4.5	Analisis halangan dalam pelaksanaan OBE	57
4.6	Analisis perbezaan antara tahap kesedaran pensyarah terhadap pelaksanaan OBE dengan umur pensyarah	59
4.7	Analisis perbezaan antara tahap kesedaran pensyarah terhadap pelaksanaan OBE dengan umur pensyarah	60
4.8	Kesimpulan	61

BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	62
5.1	Pengenalan	62
5.2	Perbincangan	63
5.2.1	Demografi pensyarah	63
5.2.2	Tahap kesedaran pensyarah terhadap pelaksanaan OBE	64
5.2.3	Tahap kefahaman pensyarah terhadap pelaksanaan OBE	66
5.2.4	Halangan dalam pelaksanaan OBE	68
5.2.5	Perbezaan antara tahap kesedaran pensyarah terhadap pelaksanaan OBE dengan umur pensyarah	70
5.2.6	Perbezaan antara tahap kesedaran pensyarah terhadap pelaksanaan OBE dengan pengalaman mengajar pensyarah	71
5.3	Rumusan	72
5.4	Cadangan	73
5.4.1	Cadangan kepada FPTV	73
5.4.2	Cadangan kepada penyelidik akan datang	75
5.5	Penutup	75
	RUJUKAN	76
	LAMPIRAN	82

SENARAI JADUAL

2.1	Perbezaan di antara dua pendekatan proses pembelajaran	23
2.2	Perbezaan sistem pembelajaran	25
3.1	Statistik pensyarah di FPTV	38
3.2	Skala likert	41
3.3	Jumlah item borang soal selidik	41
3.4	Kesahan item soal selidik	42
3.5	Tafsiran skor <i>Alpha Cronbach</i>	44
3.6	Interpretasi skor min	46
3.7	Kaedah penganalisan data bagi setiap persoalan kajian	47
4.1	Taburan responden mengikut jantina	51
4.2	Taburan responden mengikut umur	51
4.3	Taburan responden mengikut pengalaman mengajar	52
4.4	Taburan responden mengikut tahap pendidikan	53
4.5	Analisis skor min tahap kesedaran pensyarah terhadap pelaksanaan OBE	54
4.6	Analisis skor min tahap kefahaman pensyarah terhadap pelaksanaan OBE	56
4.7	Analisis skor min halangan dalam pelaksanaan OBE	57
4.8	Perbezaan antara tahap kesedaran pensyarah terhadap pelaksanaan OBE dengan umur pensyarah	59
4.9	Perbezaan antara tahap kefahaman pensyarah terhadap pelaksanaan OBE dengan pengalaman mengajar	60
5.1	Keputusan ujian hipotesis untuk tahap kesedaran berdasarkan umur pensyarah	70
5.2	Keputusan ujian hipotesis untuk tahap kesedaran berdasarkan pengalaman mengajar pensyarah	71

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka konseptual kajian	8
2.1	Fokus utama dalam sistem OBE	20
3.1	Kerangka operasi kajian	36

SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH

IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
OBE	-	<i>Outcomes-Based Education</i>
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi
MQF	-	Kerangka Kelayakan Malaysia
MQA	-	Agensi Kelayakan Malaysia
EAC	-	Majlis Akreditasi Kejuruteraan
BEM	-	Lembaga Jurutera Malaysia
PEO	-	<i>Programme Educational Objectives</i>
PLO	-	<i>Programme Learning Outcomes</i>
KPI	-	<i>Key Performance Indicator</i>
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMP	-	Universiti Malaysia Pahang
UniMap	-	Universiti Malaysia Perlis
UPM	-	Universiti Putra Malaysia
UNITEN	-	Universiti Tenaga Nasional
USM	-	Universiti Sains Malaysia
UTHM	-	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
FPTV	-	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
PBL	-	Pembelajaran Berasaskan Masalah
CQI	-	Penambahbaikan Kualiti Berterusan
PEO	-	Programme Educational Objectives
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
SPSS	-	<i>Statistical Package for Social Science</i>
FPTP	-	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan
α	-	<i>Alpha Cronbach</i>
p	-	Nilai aras signifikan

SENARAI LAMPIRAN

A	Statistik Pensyarah UTHM 2012	82
B	Borang Soal Selidik	84
C	Borang Kesahan Instrumen	90
D	Analisis Kajian Rintis	99
E	Analisis Demografi Responden	103
F	Analisis Tahap Kesedaran Pensyarah	107
G	Analisis Tahap Kefahaman Pensyarah	112
H	Analisis Halangan Pelaksanaan OBE	116
I	Analisis Ujian <i>Kruskal Wallis</i>	123
J	Surat Kebenaran KPT	125

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Menteri Pelajaran Malaysia, Tan Sri Muhyiddin (2009) dalam ucapannya menjelaskan bahawa matlamat pendidikan di negara kita adalah untuk melahirkan insan yang baik yang mampu menggarap dan membina potensi akal, jasmani, emosi dan rohani dalam menghadapi cabaran era globalisasi ini. Oleh itu, dalam mencapai matlamat tersebut, adalah menjadi tanggungjawab pihak institusi untuk melengkapkan diri mereka dengan kemahiran teknikal, kemahiran insaniah serta pencapaian akademik. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mengambil inisiatif dengan melakukan perubahan besar dalam sistem pendidikan melalui pelaksanaan kurikulum baru yang menggunakan pendekatan *Outcomes-Based Education* (OBE). Killen (2000), menjelaskan bahawa perubahan tersebut adalah perlu bagi mengubah fenomena daripada penghasilan pelajar yang pasif kepada pelajar yang aktif dan kreatif di dalam kelas.

Tucker (2004), menyatakan bahawa OBE merupakan salah satu proses yang melibatkan penyusunan semula kurikulum, penilaian dan juga penyampaian di dalam pengajaran dan pembelajaran bagi memberikan pencapaian yang tinggi dan penguasaan yang lebih daripada pengumpulan pembelajaran yang biasa. Ini bagi membolehkan para pelajar memperolehi pencapaian dan menguasai pembelajaran tahap tertinggi setiap semester tanpa menunggu sehingga memenuhi kredit program dan tamat pengajian di universiti. Mohd Nor & Zaharim (2007) menegaskan bahawa melalui pendekatan OBE yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran di seluruh IPT di Malaysia, ianya dapat memberi peluang kepada pihak berwajib untuk

memastikan graduan yang dihasilkan kelak adalah selaras dengan kehendak dan keperluan negara

Pendekatan OBE ini bermula sejak lewat 70an dan telah diamalkan secara meluas di negara seperti Amerika Syarikat, Australia dan United Kingdom pada sekitar awal tahun 80an dan 90an (Stroup, 2007). Seterusnya pendekatan OBE ini telah berkembang di Malaysia yang mana pendekatan ini telah diamalkan di semua institusi pengajian tinggi di Malaysia dalam semua bidang pada masa kini. Ini bertepatan dengan kehendak yang disarankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), agensi akreditasi pendidikan tempatan serta antarabangsa. Pendekatan ini merupakan satu keperluan yang ditetapkan oleh Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang mana kini telah berada di bawah pemantauan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Kini, pendekatan OBE ini telah diwajibkan bagi kesemua program kejuruteraan yang memerlukan akreditasi daripada Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).

Secara dasarnya, konsep OBE akan memfokuskan kepada hasil pelaksanaan sesuatu program yang ditawarkan di universiti. OBE lebih menjurus kepada perancangan dan hasil yang bakal diperolehi oleh setiap pelajar dalam setiap program yang diikuti. Mohd Nor & Zaharim (2007) menyatakan bahawa hasil pembelajaran lebih menitikberatkan terhadap persoalan apakah jangkaan yang perlu para pelajar capai dari segi pengetahuan, kefahaman atau kebolehan untuk membuat sesuatu ataupun kualiti yang perlu dibangunkan oleh mereka sendiri semasa pengajian di universiti. Secara keseluruhannya, OBE akan memfokuskan kepada empat elemen yang utama dalam pelaksanaan sepanjang program akademik iaitu perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian.

OBE mengalih fokus daripada input dan proses kepada memberi tumpuan kepada *Programme Educational Objectives* (PEO) dan *Programme Learning Outcomes* (PLO). PEO merupakan pernyataan-pernyataan yang menyatakan pencapaian yang disasarkan oleh institusi untuk dicapai para graduan setelah beberapa tahun berada di alam kerjaya. PEO yang disemak semula juga perlu dihubungkan dengan visi dan misi institut pengajian tinggi tersebut. Wan Badaruzzaman (2006), menjelaskan setiap program yang disemak semula perlu mempunyai beberapa pernyataan PEO yang merangkumi domain pengetahuan dan kemahiran praktikal dan merangkumi gabungan tujuh domain kemahiran insaniah.

Pada kebiasaannya, pencapaian PEO terhadap graduan bagi sesuatu program dinilai atau diukur selepas empat hingga lima tahun setelah pelajar tamat pengajian mereka.

Wan Badaruzzaman (2006) menjelaskan PLO pula adalah pernyataan-pernyataan mengenai ilmu pengetahuan, kemahiran praktikal dan profesional serta kemahiran insaniah yang disasarkan untuk dicapai oleh pelajar semasa berada di universiti daripada mula sehinggalah mereka menamatkan pengajian. PLO mestilah dinyatakan secara jelas dan nyata tentang pengetahuan, kemahiran dan sikap yang perlu dicapai oleh setiap graduan. Secara umumnya, setiap program perlu mempunyai sembilan pernyataan PLO. Analisa pencapaian PLO sama ada tercapai atau tidak bergantung kepada *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah ditetapkan. Lazimnya, pencapaian PLO terhadap graduan bagi sesuatu program dinilai atau diukur sebaik sahaja pelajar bergraduat. Dengan penerapan konsep pengajaran dan pembelajaran berasaskan hasil di seluruh IPT hari ini, ianya akan memastikan graduan yang dihasilkan kelak adalah selaras dengan kehendak dan keperluan negara.

1.2 Latar belakang masalah

Dalam era globalisasi ke arah dunia tanpa sempadan, cabaran yang dihadapi oleh para graduan pada masa kini menjadi lebih sengit di pasaran kerja sama ada di dalam mahupun luar negara. Antara persoalan yang akan wujud adalah adakah graduan kita sudah disediakan dengan ilmu pengetahuan yang mencukupi, kemahiran praktikal dan profesional, kemahiran insaniah serta sikap yang akan membolehkan mereka menghadapi persaingan tersebut. Adakah pihak institusi sudah menyediakan mereka untuk memenuhi keperluan dan tuntutan pihak-pihak yang berkepentingan? Adakah sistem pendidikan negara kita telah mengalami anjakan paradigma usaha menjadikan IPT terus unggul di mata masyarakat dan menjadi rebutan pelajar-pelajar?

Mat Som & Megat Daud (2005) menjelaskan bahawa perkembangan dalam teknologi maklumat dan arus globalisasi telah menyebabkan lahirnya paradigma baru kepada semua organisasi, termasuk institusi pendidikan. Siraj & Shuib (2004) menyatakan bahawa hasil daripada kajian-kajian eksperimen yang telah dijalankan menunjukkan tidak ada satu kaedah pengajaran yang sesuai untuk semua keadaan untuk diaplikasikan. Penyertaan pelajar yang kurang dalam proses pengajaran dan pembelajaran berlaku disebabkan oleh terdapatnya kelemahan yang terdapat dalam

sistem pendidikan negara yang sedia ada (Baharom *et al*, 2008). Hal ini telah menyebabkan perkembangan kurikulum di Malaysia telah disemak semula dan diberi nilai tambah supaya kurikulum tersebut adalah relevan dan berupaya untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran tertentu bagi menghadapi persekitaran global setelah mereka melepasi alam persekolahan.

Anjakan paradigma yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam menghadapi perkembangan kurikulum ini adalah dengan memperkenalkan pendekatan *Outcomes Based Education* (OBE). Antara IPT yang telah melaksanakan pendekatan ini ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMap), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Dalam konteks Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pula, OBE telah dilaksanakan sejak tahun 2006 setelah ianya diwajibkan ke atas semua IPT. Walaupun pada dasarnya pendekatan ini dicadangkan untuk program kejuruteraan sahaja, namun ianya dilihat mampu diterapkan di dalam program pendidikan di IPT. Dalam pendekatan ini, pelajar diharapkan dapat menguasai akademik dengan cemerlang di samping dapat melahirkan pelajar yang cemerlang dalam kemahiran teknikal serta kemahiran generik yang merupakan nilai tambah seseorang pelajar setelah tamat pengajian.

Namun begitu, permasalahan yang wujud adalah pelaksanaan pendekatan ini tidak mencapai kejayaan seperti yang diinginkan. Untuk melaksanakan sesuatu perubahan terutamanya dari segi prinsip pengajaran yang telah lama diimplementasikan adalah sukar untuk dilaksanakan dalam skala yang besar. Menurut Chee Keong, Liang, Said & Man (2010) kejayaan sesuatu pelaksanaan bergantung kepada sokongan daripada pihak pentadbir dan sesebuah organisasi itu. Tanpa sokongan dan keyakinan daripada pihak pentadbir, sesebuah pelaksanaan itu tidak dapat dijalankan dengan berkesan. Sokongan dan keyakinan daripada pihak pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi itu merupakan antara elemen paling penting bagi menjayakan pendekatan sistem OBE ini.

Selain itu, faktor pengetahuan seseorang pensyarah mengenai sesuatu perkara juga merupakan antara penyebab sesuatu pendekatan itu berjaya. Hasil tinjauan Othman, Mohd Salleh, Al-Edrus & Sulaiman (2010) mendapati bahawa kemahiran, pengetahuan, kebolehan seseorang pensyarah itu adalah penting dalam memastikan

kejayaan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran. Tanpa pengetahuan dan kemahiran seseorang pensyarah, adalah mustahil untuk mencapai kejayaan dalam pelaksanaan pendekatan tersebut. Sulaiman, Atan, Guan, Ong, M.Jafri & M. Idrus (1995) pula menegaskan sekiranya seseorang pensyarah itu berkelayakan, mempunyai kebolehan, berpengetahuan yang luas serta mampu dan sanggup menjalankan tugas dengan sempurna, maka ini akan memberi kesan yang baik ke atas sesuatu pelaksanaan yang telah dirancang. Kemahiran juga amat diperlukan dalam proses pengajaran selain penguasaan ilmu pengetahuan bagi menghasilkan pengajaran yang menarik sekaligus menambah keyakinan seseorang pensyarah.

Faktor pengalaman seseorang pensyarah itu dalam mengendalikan kelas juga merupakan antara masalah yang menyebabkan pelaksanaan pendekatan OBE itu tidak mencapai tahap yang diharapkan. Hal ini kerana, menurut Mohd Nor, Hamzah, Basri & Wan Badaruzzaman (2005) yang menyatakan bahawa pengimplementasian di dalam kelas memerlukan kemahiran pengendalian yang baik bagi memastikan kejayaan sistem OBE itu. Oleh itu, adalah perlu bagi seseorang pensyarah mempunyai pengalaman yang secukupnya sebelum mengendalikan sesebuah kelas itu bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai.

Di samping itu, Yaman, Che Azemi & Shamsuddin (2011) menambah antara masalah yang wujud yang menyebabkan pendekatan OBE ini tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya disebabkan oleh kekangan dari segi infrastruktur bilik kuliah, bengkel dan keperluan asas yang kurang mencukupi dengan nisbah pelajar yang ramai. Perkara ini disokong oleh Mohd Nor *et al* (2005) yang menegaskan bahawa lebih banyak kelas-kelas kecil yang diperlukan untuk pengajaran yang berbentuk interaktif dan kooperatif dalam usaha mencapai matlamat sistem OBE.

Penyelidik telah menjalankan satu tinjauan awal terhadap pelaksanaan OBE dalam kalangan pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) terhadap lima orang staf di FPTV melalui temu bual. Hasil dari tinjauan awal yang dijalankan, penyelidik mendapati bahawa pendekatan tersebut telah dilaksanakan dan diwajibkan ke atas semua IPT. Namun begitu, pendekatan sistem tersebut tidak mencapai tahap seperti yang diharapkan oleh pihak institusi. Hal ini timbul disebabkan terdapat beberapa masalah yang menyebabkan pendekatan OBE tersebut tidak mencapai kejayaan seperti yang diharapkan oleh pihak institusi.

1.3 Penyataan masalah

Amalan pelaksanaan OBE dalam kalangan pensyarah di FPTV merupakan salah satu pendekatan yang boleh diguna pakai oleh pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, penyelidik berpendapat bahawa masih lagi terdapat masalah dalam mengimplementasikan kaedah pengajaran yang berkonsepkan kepada OBE. Di antara masalah yang telah di kenalpasti melalui tinjauan awal yang telah dilakukan oleh penyelidik ialah kurangnya pengalaman pensyarah untuk mengendalikan kelas di mana objektif pembelajaran menjadi fokus utama. Di samping itu, kurangnya pengetahuan dan pendedahan dalam kalangan pensyarah mengenai pelaksanaan sistem OBE ini juga merupakan faktor penghalang pendekatan tersebut tidak mencapai tahap yang diinginkan. Selain itu, kekurangan sokongan daripada ahli-ahli fakulti juga antara penyebab kejayaan pelaksanaan OBE tidak berada pada tahap yang memuaskan. Kekangan dari segi kemudahan infrastruktur sedia ada juga salah satu faktor menjadi penghalang utama untuk memastikan pelaksanaan pengajaran berasaskan OBE ini tercapai. Oleh yang demikian satu kajian perlu dijalankan bagi tujuan mengenalpasti pelaksanaan OBE dalam kalangan pensyarah di FPTV. Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran agar pensyarah dapat mendorong pelajar meneroka dan seterusnya mencapai kejayaan melalui pendekatan tersebut.

1.4 Objektif kajian

Objektif kajian ini ialah :

- (i) Menenalpasti tahap kesedaran pensyarah terhadap pelaksanaan sistem *Outcomes Based Education* (OBE) di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV).
- (ii) Menenalpasti tahap kefahaman pensyarah terhadap pelaksanaan *Outcomes Based Education* (OBE) di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV).
- (iii) Menenalpasti halangan dalam pelaksanaan *Outcomes Based Education* (OBE) di kalangan pensyarah Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV).

- (iv) Mengenalpasti perbezaan di antara tahap kesedaran pensyarah terhadap pelaksanaan sistem *Outcomes Based Education* (OBE) di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) dengan faktor demografi pensyarah.

1.5 Persoalan kajian

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Sejauh manakah tahap kesedaran pelaksanaan pensyarah terhadap sistem *Outcomes Based Education* (OBE) di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV)?
- (ii) Sejauh manakah tahap kefahaman pensyarah terhadap pelaksanaan sistem *Outcomes Based Education* (OBE) di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV)?
- (iii) Adakah halangan yang dihadapi oleh pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) dalam melaksanakan *Outcomes Based Education* (OBE)?
- (iv) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesedaran pensyarah terhadap pelaksanaan sistem *Outcomes Based Education* (OBE) dengan umur pensyarah di FPTV?
- (v) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesedaran pensyarah terhadap pelaksanaan sistem *Outcomes Based Education* (OBE) dengan pengalaman mengajar pensyarah di FPTV?

1.6 Hipotesis Kajian


Dalam memilih hipotesis kajian, penyelidik memilih seperti berikut :

Ho 1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesedaran pensyarah terhadap pelaksanaan OBE di FPTV dengan umur pensyarah.

Ho 2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesedaran pensyarah terhadap pelaksanaan OBE di FPTV dengan pengalaman mengajar pensyarah.

1.7 Kerangka konseptual kajian

Rajah 1.1 ini merupakan kerangka konseptual berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan. Kerangka konsep berikut adalah bertujuan memberi gambaran jelas mengenai objektif kajian yang akan dijalankan.



Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian

1.8 Skop kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, penyelidik akan memberi tumpuan kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Penyelidik hanya memfokuskan kepada

pelaksanaan sistem OBE di kalangan pensyarah di FPTV di UTHM sahaja. Oleh yang demikian, responden kajian adalah terdiri daripada pensyarah-pensyarah dari FPTV sahaja. Kajian ini akan menggunakan borang soal selidik yang akan diedarkan kepada pensyarah-pensyarah di fakulti tersebut bagi tujuan menjawab persoalan kajian.

1.9 Kepentingan kajian

Hasil daripada kajian yang akan dilaksanakan ini diharapkan dapat membantu banyak pihak termasuklah pihak universiti, pihak fakulti dan juga pensyarah. Oleh itu, antara kepentingan kajian tersebut adalah seperti berikut:

1.9.1 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Dengan adanya kajian ini, diharapkan dapat membantu pihak UTHM dalam merealisasikan pelaksanaan OBE di peringkat universiti secara menyeluruh bagi menghasilkan graduan yang dihasilkan kelak memenuhi keperluan industri. Pihak universiti juga dapat merancang pelan tindakan bagi memastikan penghasilan graduan melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti sejajar dengan keperluan MQA.

1.9.2 Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Kajian ini dapat membantu pihak fakulti untuk mengenalpasti langkah pelaksanaan dan langkah-langkah menangani masalah atau kelemahan yang wujud melalui pendekatan ini. Di samping itu, ia juga dapat membantu pihak fakulti merangka pelan pelaksanaan ini secara holistik dan berkesan lagi.

1.9.3 Pensyarah

Kajian ini juga dapat membantu pihak pensyarah dalam mengenalpasti dengan lebih menyeluruh mengenai pelaksanaan pendekatan ini dan seterusnya dapat mengenalpasti kelemahan-kelemahan serta masalah-masalah yang wujud. Para pensyarah juga dapat mengetahui kaedah apakah yang sesuai diaplikasikan di dalam

proses pengajaran dan pembelajaran mereka serta kaedah penilaian yang boleh diguna pakai.

1.10 Batasan kajian

Batasan kajian memberi panduan kepada penyelidik terhadap perkara-perkara yang dikaji. Antara batasan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Kajian yang akan dilakukan ini hanya tertumpu kepada satu fakulti sahaja iaitu FPTV. Oleh itu, hasil dan kajian ini mungkin tidak sesuai digunakan dalam situasi fakulti yang berlainan serta tidak dapat menggambarkan secara menyeluruh pelaksanaan OBE di UTHM
- (ii) Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui borang soal selidik. Oleh itu, segala maklumat mengenai responden adalah berdasarkan maklum balas melalui soal selidik. Justeru, kebolehpercayaan dapatan kajian bergantung sepenuhnya kepada kesungguhan dan keikhlasan responden menjawab item-item di dalam soal selidik.
- (iii) Dari segi kos, kajian ini dibiayai sepenuhnya oleh penyelidik. Maka ianya akan menjadi bebanan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian ini.

1.11 Definisi istilah

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa istilah untuk menerangkan mengenai kajian yang akan dilaksanakan oleh penyelidik iaitu pelaksanaan OBE dalam kalangan pensyarah Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Berikut merupakan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini.

1.11.1 Kesedaran

Kesedaran boleh diistilahkan sebagai semua unsur-unsur mental dalam keadaan sedar pada sebarang masa. Dalam konteks kajian ini, kesedaran merujuk kepada sikap pensyarah yang sedar dan tahu tentang kewujudan pelaksanaan OBE di fakulti tersebut.

1.11.2 Kefahaman

Kefahaman merujuk kepada kebolehan untuk menjelaskan dan mentafsir maklumat dalam sesuatu keadaan yang diberi. Kefahaman yang tepat dan jelas terhadap sesuatu adalah tidak bercanggah dengan prinsip ataupun konsep sebenar yang disokong oleh penyelidik dalam kajian ini.

1.11.3 *Outcomes Based Education (OBE)*

Outcomes Based Education ialah pendidikan yang menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar. OBE adalah satu proses pendidikan yang berasaskan pencapaian 'outcomes' tertentu dalam proses pembelajaran seseorang pelajar.

1.11.4 Halangan

Halangan adalah rintangan yang menghalang sesuatu ataupun gangguan yang menyebabkan matlamat asal tersasar. Dalam konteks kajian ini, halangan merujuk kepada permasalahan yang dihadapi oleh pensyarah dalam melaksanakan pendekatan OBE.

1.11.5 Pensyarah

Pensyarah ialah golongan profesional yang mempunyai latar belakang tinggi yang mengajar pelajar di IPT sama ada awam mahupun swasta. Dalam konteks kajian yang akan dilaksanakan oleh penyelidik, pensyarah merujuk kepada tenaga pengajar yang mengajar di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional UTHM.

1.11.6 Pengajaran

Pengajaran adalah proses di mana kegiatan-kegiatan disusun untuk pelajar bertujuan untuk membawa perubahan tingkah laku pada diri mereka dalam proses pembelajaran. Pengajaran di sini bermaksud proses menerima dan mendapatkan maklumat oleh pelajar daripada pensyarah-pensyarah di UTHM.

1.11.7 Pembelajaran

Pembelajaran boleh didefinisikan sebagai proses perubahan tingkah laku yang agak kekal akibat pengalaman atau latihan. Dalam kajian ini, pembelajaran merujuk kepada aktiviti pelajar-pelajar FPTV memperoleh ilmu serta kemahiran baharu dan mengaplikasikannya secara produktif dalam kehidupan seharian mereka.

1.12 Rumusan

Bab ini membincangkan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian dan definisi istilah. Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan tentang pengenalan kepada kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik. Bab seterusnya akan membincangkan konsep OBE serta hasil-hasil kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji lepas.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan dan membincangkan mengenai kajian dan penulisan yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu. Dalam kajian ini, penyelidik akan membahagikan bab ini kepada beberapa sub topik seperti di bawah.

- (i) Sistem pendidikan di Malaysia
- (ii) Kaedah pengajaran dan pembelajaran
- (iii) Konsep *Outcomes-Based Education* (OBE)
- (iv) Halangan dalam pelaksanaan OBE
- (v) Kesimpulan

Sorotan penulisan daripada sumber asli yang diperolehi daripada penulisan atau kajian lain dapat menyokong dan menyokong cakupan permasalahan kajian. Seterusnya, maklumat dan fakta yang diperolehi membantu penyelidik bagi tujuan melaksanakan dan membuktikan kajian yang dijalankan oleh penyelidik.

2.2 Sistem pendidikan di Malaysia

Menurut Mior Jamaluddin (2011), sistem pendidikan merupakan asas yang penting dalam membangunkan masyarakat dan negara ke arah yang lebih baik. Melalui sistem pendidikan, masyarakat dibentuk dengan memberi pelajaran kepada semua masyarakat tanpa mengira bangsa, agama dan warna kulit. Kementerian Pelajaran Malaysia memainkan peranan penting dalam membawa perubahan dalam sistem pendidikan di negara kita. Misi Kementerian Pelajaran Malaysia ialah membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia di samping

memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara. Pendidikan di Malaysia bergerak seiring dengan keperluan semasa kerana masyarakat juga turut berubah disebabkan oleh arus pemodenan dan globalisasi. Dalam sektor pendidikan, sistem pendidikan yang sempurna menjadi pendekatan yang digunakan bagi merealisasikan Wawasan 2020 yang telah dicetuskan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju.

Kementerian Pelajaran Malaysia menyatakan bahawa pembangunan pendidikan dari Zaman Dasar Pembangunan hingga ke Zaman Dasar Wawasan Negara telah berjaya mencapai banyak kemajuan khususnya dalam penyediaan infrastruktur, kemudahan pendidikan dan latihan perguruan. Strategi meningkatkan peluang pendidikan berjaya mencapai sasarannya. Perkembangan sistem pendidikan di Malaysia juga secara tidak langsung telah menyebabkan perubahan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran guru sama ada di sekolah mahupun di IPT. Sebelum negara mencapai zaman globalisasi ini, kebanyakan pendekatan pengajaran guru yang dilaksanakan oleh guru adalah melalui pendekatan berasaskan guru iaitu seperti kuliah atau lebih dikenali sebagai kaedah "*chalk and talk*". Syed Yahya Kamal & Tasir (2010) menjelaskan bahawa pada era yang serba maju dan moden, kita tidak dapat lari daripada kecanggihan teknologi yang semakin berkembang. Perkembangan pendidikan daripada kaedah tradisional hingga ke pembelajaran berasaskan masalah masih diperkatakan hingga kini. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab seorang guru untuk memilih kaedah yang dirasakan paling sesuai dalam memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Pemilihan kaedah yang sesuai merupakan satu aspek yang penting dalam memastikan para pelajar sentiasa fokus dengan apa yang disampaikan oleh guru.

Abdullah, Roslan & Sulaiman (2009) menyatakan secara umum terdapat dua jenis strategi utama yang dipraktikkan di dalam bilik darjah atau pun bilik kuliah dalam sistem pendidikan pada masa kini. Dua strategi ini ialah strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru dan strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar. Strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru yang juga dikenali sebagai strategi/kaedah tradisional merupakan strategi yang telah lama diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah atau kuliah. Perkembangan dalam ilmu pendidikan khususnya dalam bidang pedagogi dan psikologi telah menyebabkan berlakunya satu anjakan paradigma dalam strategi

pengajaran dan pembelajaran. Satu pendekatan yang memberi keutamaan kepada peranan pelajar dalam melaksanakan sesi pengajaran pembelajaran telah dicadangkan iaitu pembelajaran berpusatkan pelajar.

2.3 Kaedah pengajaran dan pembelajaran

Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai merupakan antara salah satu aspek yang penting agar proses pengajaran dan pembelajaran itu menjadi lebih menarik dan dapat menarik minat pelajar untuk belajar. Mahyuddin, Elias & Abu Bakar (1997) menegaskan bagi memotivasikan minat pelajar terhadap pelajarannya, seseorang guru itu hendaklah mempelbagaikan kaedah penyampaian. Proses pengajaran merupakan satu sistem yang diarahkan kepada pelajar-pelajar yang mana kebiasaannya adalah secara bersemuka dengan guru bertujuan untuk membawa sesuatu perubahan kepada diri murid-murid. Oleh itu, pelbagai aktiviti diadakan semasa pengajaran dilaksanakan dengan tujuan menghasilkan pembelajaran atau perubahan dalam tingkah laku pelajar. Proses pembelajaran ini bermula sebaik sahaja seseorang itu dilahirkan sehingga sepanjang hayat seseorang itu. Ianya bukan setakat merangkumi penguasaan pengetahuan kemahiran semata-mata, tetapi perkembangan emosi, sikap, nilai estetika dan kesenian serta ciri dalaman juga dipengaruhi oleh pembelajaran. Sesuatu proses pembelajaran itu dikatakan terjadi apabila terdapat perubahan pada diri seseorang sama ada perubahan ke arah kebaikan ataupun keburukan.

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) tidak menetapkan sebarang penggunaan teknik atau kaedah yang tepat, bersesuaian dan tertentu dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran kepada guru. Menurut Siraj & Shuib (2004) adalah menjadi hak seseorang guru untuk memilih mana-mana teknik atau kaedah yang dirasakannya sesuai dalam pengajarannya. Hal ini kerana hasil daripada banyak kajian-kajian eksperimen yang telah dijalankan menunjukkan tidak ada satu kaedah pengajaran yang ada sesuai untuk semua keadaan.

2.3.1 Kaedah pengajaran secara konvensional

Dalam mempraktikkan teori dan model pembelajaran terdapat beberapa strategi dan pendekatan yang boleh digunakan oleh para guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran iaitu pengajaran berpusatkan guru. Proses pengajaran yang menggunakan kaedah kuliah atau kaedah tradisi merupakan antara salah satu jenis kaedah yang menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan guru. Kebiasaannya strategi ini sesuai digunakan untuk mata pelajaran yang bergantung sepenuhnya kepada guru. Sulong (2002), menyatakan bahawa pengajaran secara tradisi merupakan pengajaran yang mana guru-guru lebih gemar menjalankan sesi pembelajaran dan pengajaran secara satu hala di dalam kelas. Dalam kaedah ini, para guru lebih banyak mencurahkan isi pelajaran manakala pelajar pula hanya bertindak sebagai pendengar serta mendengar dengan pasif. Guru juga bertindak sebagai pemberi maklumat sedangkan para pelajar hanya menerima maklumat yang diberikan oleh guru tanpa diberi peluang untuk berkelakuan dengan lebih aktif di dalam kelas.

Dalam kaedah ini, penggunaan guru ialah sebagai ketua yang prihatin dan berwibawa. Mahyuddin *et al* (1997) menerangkan fokus pengajaran menggunakan kaedah ini pula hanyalah akademik semata-mata di mana pelajar berada di dalam kumpulan yang besar serta pergerakan dan suasana bilik darjah adalah amat rigid dan berstruktur. Pengajaran berpusatkan guru ini merupakan pendekatan yang mudah dirancang dan diurus, membekalkan model untuk pemikiran yang betul dan mengelakkan suasana elitis yang sering dikaitkan dengan kaedah kumpulan. Mengikut kajian yang telah dilakukan oleh Schmit, Dauphee & Patel (1987) mendapati bahawa seseorang pelajar yang mengikuti kaedah pembelajaran secara tradisional akan mendapat keputusan yang cemerlang kerana melalui kaedah tersebut dapat melahirkan pelajar yang mahir dalam mengingat segala yang dipelajari.

Dalam kajian yang telah dilaksanakan oleh Chyun (2007) pula mendapati bahawa Guru Kimia di Pasir Mas lebih cenderung menggunakan pendekatan pengajaran berpusatkan guru berbanding dengan pengajaran berpusatkan pelajar. Hal ini kerana guru beranggapan bahawa pengajaran merupakan proses menyalurkan maklumat kepada pelajar yang mana guru perlulah memainkan peranannya sebagai penyampai maklumat yang lengkap. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab seseorang guru untuk membekalkan diri mereka dengan segala pengetahuan yang

akan dipersoalkan oleh para pelajar. Dalam kajian yang dilakukan oleh Abdullah *et al* (2009) pula, pengkaji berpendapat bahawa kaedah ini sesuai dilaksanakan untuk peringkat asas sesuatu konsep atau perkara serta didapati membantu pelajar lemah dan berprestasi rendah yang perlukan banyak bimbingan daripada guru.

Namun begitu, terdapat juga kelemahan yang boleh dikenal pasti apabila guru menggunakan strategi tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini boleh dilihat melalui penyertaan yang kurang daripada pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Chyun (2007) menjelaskan bahawa keadaan ini menyebabkan para pelajar belajar dalam keadaan yang tertekan serta menyukarkan mereka untuk mengaitkan apa yang dipelajari oleh mereka di dalam kelas dengan keadaan di luar sekolah serta kehidupan seharian mereka. Selain itu, melalui pendekatan ini pelajar hanya menekankan pada hafalan semata-mata dan mudah berpuas hati dengan fakta-fakta yang diberikan oleh pelajar. Hal ini secara tidak langsung akan menyebabkan pelajar mengalami kesukaran dalam menguasai pembelajaran dan seterusnya menghilangkan minat pelajar dalam pelajaran tersebut sekiranya keadaan tersebut berterusan dalam jangka masa yang panjang dan lama.

Dalam pendekatan ini, tahap kebergantungan pelajar terhadap guru adalah tinggi dan kemungkinan pelajar menjadi seorang yang pasif juga adalah tinggi. Dalam pendekatan konvensional ini, penyampaian ilmu adalah bergantung kepada maklumat yang telah disampaikan baik dari segi kuliah mahupun edaran nota oleh pensyarah kepada pelajar. Dari sini, Chyun (2007) menegaskan bahawa berkemungkinan proses pembelajaran tidak akan berlaku di kalangan pelajar semasa berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. Claire & Betsy (2000) menjelaskan bahawa hal ini menyebabkan sesetengah pelajar yang lemah tidak akan berminat disebabkan oleh mutu pengajaran yang lemah menyebabkan proses pembelajaran tidak akan berlaku. Oleh itu, adalah perlu untuk mewujudkan suasana kelas yang aktif semasa berlangsungnya proses pengajaran dan pembelajaran. Penglibatan pelajar dalam kelas adalah amat diperlukan dan menjadi tanggungjawab guru untuk mewujudkan kerjasama di dalam kelas melalui kewujudan kumpulan belajar sesama pelajar.

2.3.2 Kaedah pengajaran berpusatkan pelajar

Strategi pemusatan pelajar merupakan strategi pengajaran dan pembelajaran yang mana pelajar memainkan peranan penting dan penglibatan aktif dalam proses pembelajaran. Menurut Mahyuddin *et al* (1997) dalam pendekatan ini pelajar memiliki kebebasan tetapi dengan bimbingan guru yang mana guru berada di belakang dan pelajar menjadi tumpuan perhatian. Di sini, guru akan berfungsi sebagai pembimbing yang membimbing pelajar-pelajar bagi menjalankan aktiviti pembelajaran. Lantaran itu, pembelajaran akan menjadi lebih bermakna dan menyeronokkan. Pembelajaran berpusatkan pelajar memerlukan pelajar menjadi lebih berdikari, bermotivasi tinggi dan bertanggungjawab terhadap aspek yang dipelajarinya.

Pembelajaran berasaskan masalah (PBL) merupakan salah satu jenis pendekatan dalam pengajaran berpusatkan pelajar. Pendekatan ini akan menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif bagi menyelesaikan masalah yang diberikan dan berusaha mencapai matlamat yang telah dipersetujui oleh ahli kumpulan. Menurut Othman *et al* (2008) dalam PBL para pelajar akan diberikan suatu masalah atau situasi sebenar dan dikehendaki menyelesaikannya dengan mencari input-input daripada buku, jurnal, surat khabar, risalah, internet dan organisasi-organisasi yang terlibat. Dalam pendekatan ini, guru bertindak sebagai pembimbing atau penggerak kepada penyelesaian yang dilakukan oleh para pelajar manakala pelajar pula cuba menyelesaikannya mengikut bimbingan daripada para guru.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Abdul Rahim & Mustapha (2007) mendapati bahawa melalui pendekatan ini, ianya dapat membantu para pelajar meningkatkan kefahaman mereka terhadap pembelajaran serta menjadikannya lebih bermakna. Ini kerana PBL merupakan satu kaedah di mana masalah yang sebenar serta bermakna digunakan sebagai fokus dalam proses pembelajaran. Ianya didapati sesuai digunakan bukan sahaja dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar tetapi juga mampu menyokong kepada pembangunan kemahiran generik seperti kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran berkomunikasi dan sebagainya (Universiti Teknologi Malaysia 2005). Pendapat ini disokong oleh Abdul Rahim & Mustapha (2007) yang menyatakan bahawa PBL membantu pelajar mencapai tahap pembelajaran yang spesifik untuk


menjadikan mereka berkebolehan dan berkemampuan. Dalam maksud lain, pelajar akan dapat belajar dengan sendiri dan guru hanya berfungsi sebagai fasilitator atau pembimbing dalam membantu pelajar menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka.

2.4 *Outcomes Based Education (OBE)*

Pendekatan pembelajaran menggunakan kaedah ini telah bermula sejak 500 tahun dahulu lagi di dalam pembangunan Zaman Pertengahan Eropah. Pendekatan ini berasaskan kepada program yang menghasilkan pelajar yang dapat menerajui beberapa bidang penting pada masa tersebut dan seterusnya ia berkembang dalam bidang pendidikan dari masa ke masa (Spady, 1994). Malan (2000) telah menjalankan satu analisis terhadap OBE dan mendapati bahawa tahap sistem pendidikan telah menunjukkan peningkatan.

Kementerian Pendidikan Australia Barat menyatakan bahawa *Outcomes-Based Education (OBE)* merupakan satu proses pendidikan yang berasaskan pencapaian hasil tertentu dalam proses pembelajaran seseorang pelajar. Ianya juga merupakan proses yang melibatkan penstrukturan semula kurikulum, penilaian dan laporan dalam pendidikan dalam memastikan tahap pencapaian pelajar mencapai tahap yang tinggi. Spady (1994) menjelaskan bahawa *Outcomes-Based Education (OBE)* dapat memberi tumpuan yang jelas dan menyusun segala-galanya dalam sistem pendidikan yang akan menjadikan pelajar berjaya pada akhir pembelajaran mereka. Spady (1994) menegaskan bahawa terdapat dua tujuan utama pelaksanaan OBE iaitu memastikan semua pelajar dilengkapi dengan pengetahuan, kecekapan dan kualiti yang diperlukan untuk mendapat kejayaan selepas berjaya menamatkan pengajian. Satu lagi tujuan utama pelaksanaan OBE ialah menstrukturkan dan mengoperasi institusi agar hasil tersebut dapat dicapai dan digunakan sepenuhnya oleh para pelajar.

Dalam pendekatan OBE ini, Killen (2000) menyatakan terdapat tiga fokus utama yang perlu difahami iaitu dari aspek struktur pendidikan yang sistematik, teori pendidikannya dan juga pelaksanaan di dalam kelas. **Rajah 2.1** menunjukkan fokus utama dalam sistem OBE.



Rajah 2.1: Fokus utama dalam sistem OBE

Penerapan OBE di peringkat Pengajian Tinggi yang berfokuskan pembelajaran pelajar berbanding dengan skop pengajaran itu sendiri didapati bertepatan dalam usaha meningkatkan lagi skop pengetahuan pelajar-pelajar di peringkat universiti. Secara tidak langsung memudahkan pemantauan menyeluruh serta penambahbaikan yang ingin dilakukan dalam peningkatan kualiti berterusan yang akan diguna pakai. Ini penting dalam membentuk pelajar-pelajar yang boleh mencapai kejayaan di zaman perubahan informasi ini (McDaniel *et al.* 2000). OBE menekankan kepada pembelajaran pelajar dengan:

- (i) Menggunakan pernyataan hasil pembelajaran tertentu dengan tujuan untuk memudahkan para pelajar mengetahui dan memahami tentang jangkauan hasil yang perlu mereka capai.
- (ii) Menyediakan aktiviti pembelajaran tertentu dengan tujuan membolehkan para pelajar mencapai semua hasil yang dirancang
- (iii) Menilai tahap pencapaian pelajar berbanding kriteria penilaian yang telah ditetapkan secara jelas dan berkesan.

Segala penilaian yang dibuat akan dianalisis bagi membandingkan perancangan dan kejayaan yang dicapai. Analisa hasil yang dicapai sama ada tercapai atau tidak bergantung kepada indeks pencapaian utama (KPI) yang telah

ditetapkan. Kaedah penilaian juga menjadi alat yang penting dalam mengenal pasti pencapaian setiap pelajar. Daripada penilaian ini, jika pencapaian berada di bawah sasaran yang ditetapkan, proses Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI) perlu dijalankan dalam usaha meningkatkan pencapaian hasil program yang dirancang secara berterusan.

Pelaksanaan pendidikan berasaskan hasil (OBE) mewajibkan setiap program akademik perlu mempunyai Objektif Pendidikan Program (*Programme Educational Objectives*) atau PEO. Setiap program disemak semula perlu mempunyai beberapa pernyataan PEO. Pernyataan tersebut mestilah merangkumi domain Pengetahuan dan Kemahiran Praktikal dan merangkumi gabungan tujuh domain Kemahiran Insaniah. Analisa pencapaian PEO sama ada tercapai atau tidak bergantung kepada KPI yang telah ditetapkan. Lazimnya pencapaian PEO terhadap graduan bagi sesuatu program dinilai atau diukur selepas empat hingga lima tahun setelah pelajar bergraduat.

Setelah PEO disediakan, hasil pembelajaran program (*Programme Learning Outcomes*) atau PLO perlu disemak semula dengan menghubungkaitkannya dengan PEO. PLO mestilah dinyatakan secara jelas dan nyata tentang pengetahuan, kemahiran dan sikap yang perlu dicapai oleh graduan. Secara umumnya, setiap program perlu mempunyai sembilan pernyataan PLO yang setiap satunya melibatkan domain berikut:

- (i) Pengetahuan
- (ii) Kemahiran Praktikal
- (iii) Kemahiran Insaniah I: Kemahiran berkomunikasi (*communication skill*).
- (iv) Kemahiran Insaniah II: Pemikiran kritis (*critical thinking*) dan Penyelesaian Masalah (*problem solving*).
- (v) Kemahiran Insaniah III: Kemahiran kerja berpasukan (*team working skill*).
- (vi) Kemahiran Insaniah IV: Pembelajaran sepanjang hayat (*life-long learning*) dan Pengurusan maklumat (*information management*).
- (vii) Kemahiran Insaniah V: Kemahiran keusahawanan (*entrepreneurship skill*).
- (viii) Kemahiran Insaniah VI: Moral dan etika profesional (*moral and professional ethics*) dan tanggungjawab sosial (*social accountability*).
- (ix) Kemahiran Insaniah VII: Kemahiran kepimpinan (*leadership skill*).

Penyelarasan domain PLO antara KPT, MQA dan Badan Profesional perlu dilakukan semasa pembangunan PLO. Analisa pencapaian PLO samada tercapai atau

tidak bergantung kepada KPI yang telah ditetapkan. Lazimnya pencapaian PLO terhadap graduan bagi sesuatu program dinilai atau diukur sebaik sahaja pelajar bergraduat.

2.4.1 Teori *Outcomes-Based Education* (OBE)

Killen (2000) telah mendefinisikan dua jenis asas terhadap hasil pembelajaran dalam sistem OBE. Perkara pertama adalah melalui pengukuran kepada pencapaian pelajar yang dapat dilihat melalui ujian dan peperiksaan. Selain itu, kadar atau masa yang diambil pelajar untuk menyelesaikan masalah, seperti pasaran kerja juga di ambil kira. Pelajar yang mengikuti pembelajaran secara OBE, kebiasaannya telah berjaya menguasai isi pembelajaran dan beberapa disiplin seperti menyelesaikan masalah, bijak berkomunikasi dan menangani sebarang situasi yang timbul dan sebagainya.

Perkara kedua adalah melibatkan penekanan terhadap pengetahuan dan keupayaan pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan melalui pembelajaran mereka. Dalam jangka masa yang panjang, perkara ini boleh diaplikasikan di dalam kerjaya mereka ke arah menjadi seorang pekerja yang produktif. Perkara ini telah membuatkan sistem pembelajaran telah dibahagikan dua bahagian seperti yang dinyatakan oleh Spady (1994) dan beliau telah menggariskan beberapa aspek perbezaan seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1 : Perbezaan di antara dua pendekatan proses pembelajaran
(Spady, 1994)

Pembelajaran Berasaskan Isi Pelajaran	Pembelajaran Berasaskan Hasil
1. Melahirkan pelajar yang pasif	1. Melahirkan pelajar yang aktif
2. Penilaian berasaskan kepada peperiksaan	2. Penilaian yang berterusan
3. Pembelajaran untuk pemahaman sendiri	3. Pembelajaran yang memerlukan pemikiran yang kritikal, tindak balas dan pelaksanaan
4. Pembelajaran mengikut isi yang Ditetapkan	4. Melibatkan penggabungan pengetahuan dan pembelajaran yang relevan dengan situasi sebenar
5. Berfokuskan buku, kertas kerja dan pengajaran guru	5. Pembelajaran berpusatkan pelajar dan melibatkan fasilitator serta kerja kumpulan
6. Berdasarkan silibus yang telah ditetapkan	6. Berdasarkan pemantauan fasilitator untuk menjadikan reka bentuk isi pelajaran lebih inovatif dan kreatif
7. Guru bertanggungjawab ke atas segala pembelajaran melalui motivasi personaliti mereka	7. Pelajar bertanggungjawab ke atas pembelajaran melalui motivasi terhadap tindak balas mereka
8. Berdasarkan kepada matlamat yang ingin dicapai oleh guru	8. Berdasarkan kepada apa yang boleh difahami dan dihasilkan oleh pelajar
9. Tempat pembelajaran ditentukan pada masa yang tertentu	9. Tempat pembelajaran pada masa yang Fleksibel
10. Berada pada suasana pembelajaran yang sama sehingga selesai sesi tersebut	10. Suasana pembelajaran boleh berubah-ubah sehingga matlamat pembelajaran tercapai melalui penghasilan sesuatu

2.4.2 Prinsip-prinsip *Outcomes Based Education* (OBE)

Secara dasarnya, terdapat empat prinsip utama dalam pendekatan OBE. Setiap prinsip tersebut dilihat mampu memberi kesan yang positif kepada perkembangan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di antara pensyarah dan pelajar.

(a) Fokus pembelajaran

Pendekatan OBE lebih menjurus kepada hasil yang akan dicapai oleh pelajar di akhir pembelajaran dan bagaimana mereka boleh mengaplikasikan pengetahuan sedia ada mereka. Oleh itu, pensyarah atau perancang kurikulum yang menggunakan pendekatan OBE di dalam pengajaran mereka perlu menyatakan fokus yang jelas

terhadap objektif pembelajaran. Menurut Wills & Kissane (1997), pernyataan fokus pembelajaran yang baik adalah penting untuk memastikan kejayaan terhadap hasil pembelajaran. Dalam konteks ini, fokus pembelajaran merujuk kepada objektif. Pencapaiannya adalah berdasarkan kepada pengetahuan pelajar yang sedia ada serta kemampuan mereka mendemonstrasikan apa yang dipelajarinya.

(b) Penstrukturan kurikulum pembelajaran

Penyusunan atau penstrukturan semula proses pengajaran dan pembelajaran sesebuah mata pelajaran perlu dilakukan setelah mengenal pasti hasil yang akan dicapai oleh pelajar berdasarkan objektif pembelajaran. Butler, (2004) menyatakan bahawa perkara tersebut akan mempertimbangkan segala aktiviti yang relevan yang dilalui oleh pelajar melalui proses bimbingan pensyarah agar tidak menyimpang daripada objektif pembelajaran.

(c) Hasil jangkaan tinggi

Prinsip ketiga ini melibatkan keupayaan pelajar di dalam mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan. Oleh yang demikian, kejayaan pelajar akan dapat dicapai melalui galakan seperti pengetahuan yang mendalam terhadap perkara yang dipelajari oleh mereka. Spady, (1994) menjelaskan bahawa keadaan tersebut akan meningkatkan lagi cabaran kepada pelajar untuk mencapai hasil pembelajaran yang telah dipiawaikan di dalam kurikulum yang diikuti.

(d) Memperluaskan peluang pembelajaran

Perkara ini akan memperlihatkan kepada penyediaan dan perancangan kurikulum yang fleksibel dari segi masa dan teknik pengajaran. Killen (2000) menjelaskan bahawa ia akan membawa kepada kepelbagaian dari segi proses pengajaran dan pembelajaran di mana prosesnya akan sentiasa berubah dari masa ke semasa. Oleh itu, ruang untuk pelajar mempelajari banyak perkara selain isi pelajaran akan bertambah selain daripada memahami dan mencapai objektif pembelajaran.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar, M.N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Ghafar, M.N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Kassim, N. (2005). *Amalan Penggunaan Pendekatan Pengajaran oleh Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Awam di Politeknik*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Abdul Rahim, Z.L & Mustapha, R. (2007). *Pembelajaran Berasaskan Masalah Bagi Subjek Elektronik: Satu Kajian Tindakan Di Sekolah Menengah Teknik*
- Abdullah, M. C., Roslan, S., & Sulaiman, T. (2009). *Strategi Pengajaran Pembelajaran Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Anjakan Paradigma*. . Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Abdullah, S., Muhamad, N., O.K. Rahmat, R.A.A., Md Deros, B., Kofli, N.T., Abdullah, M., Mohd Tahir, M. & Muchtar, A. (2007). Penilaian Objektif dan Hasil Program Pendidikan berasaskan Hasil (OBE): Soal Selidik Majikan Industri dan Alumni. *Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina 2007*.
- Abidin, H.Z., Hashim, H. , Abdul LATip, M.F., Othman, M.N., Mohamed, S., Naim. N.F. & Mat Yasin, Z. (2009). Outcomes Based Education Performance Evaluation on Electrical Engineering Laboratory Module. *International Conference on Engineering Education 2009*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia. ms. 153-15
- Abrams, J.D. (1995). Making Outcome-Based Education Work. *Educational Leadership*. 1995, 30-32.
- Amir Hussin, S.N.H. (2012). *Cabaran Tenaga Pengajar dalam Pelaksanaan Outcomes Based Education (OBE)*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana.

- Ayob, A.M. (1997). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bond, T. G. & Fox, C. M. (2007). *Applying The Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences*. Edisi Ke-2. Lawrence Erlbaum Associates, Publishers. Mahwah, New Jersey. London.
- Briggs, J. & Moore, P.J. (1993). *The Process of Learning*. Melbourne: Prentice Hall of Australia Pty Ltd.
- Briggs, J. (1993). What Do Inventories of Student's Learning Processes Really Measure? A Theoretical Review and Clarification. *British Journal of Educational Psychology*.
- Bryman, A & Bell, E. (2003). *Business Research Methods*. Oxford: Oxford University.
- Butler, M. (2004). *Outcomes Based/Outcomes Focused Education Overview*. A Review Literature. Education Department of Western Australia.
- Chee Keong, C., Liang, L., Said, S., & Man, S.H., (2010). *Amalan Penggunaan TMK dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sebuah Sekolah Orang Asli di Hulu Perak : Gerik: Satu Kajian Kes*. Institut Perguruan Guru Kampus Sultan Abdul Halim.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Chyun, L.T. (2007). *Hubungan Antara Pendekatan Pengajaran Guru Dengan Pendekatan Pembelajaran Pelajar Mata Pelajaran Kimia Tingkatan Empat*. University Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana.
- Claire, H.M. & Betsy (2000). *Assessing The Effectiveness of Problem Based Learning in Higher Education: Lessons From Literature*. University of Alabama and University of Iowa.
- Harden, R.M., Crosby, J.R. & Davis, M.H. (1999). *AMEE guide No.14: Outcome-Based Education: Part 5-From Competency to Meta-Competency: A Model for the Specification of Learning Outcomes*. *Medical Teacher*. 21.6.
- Idris, N. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- J.H & Schumacher, S. (1984). *Research in Education*. Boston : Little, Brown & Company Limited.

- Kamaruddin, N.A. (2007). *Kesediaan Pensyarah dari Segi Sikap, Kemahiran dan Pengetahuan terhadap Pelaksanaan Penerapan Kemahiran Insaniah di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana.
- Killen, R. (2000). *Outcomes-Based Education: Principles and Possibilities*. University of Newcastle, Australia: Faculty of Education. Dicapai pada May 17,2012 daripada <http://drji.uitm.edu.my/DRJJ/CONFERENCE/UPSI/OBEKillen.pdf>.
- Konting, M.M. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Selangor.
- Leedy, P. D. dan Ormrod, J. E. (2005). *Practical Research: Planning and Design*. Edisi ke8. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc.
- Mad Som, H. (2005). *Panduan Mudah Analisis Data Menggunakan SPSS Window*. Edisi Pertama. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Mahyuddin, R., Elias, H., & Abu Bakar, K. (1997). *Pedagogi 2 Pelaksanaan Pengajaran*. Longman Malaysia Sdn Bhd, Selangor.
- Malan, SPT. (2000). The New Paradigm of Outcomes Based Education in Perspective. *Tydskrif vir Gesinsekologie en Verbruikerswetenskappe*. 28. 22-28.
- Masri, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Esei, Proposal, Tesis)*. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mat Som, H & Megat Daud, M.A (2005). Globalisasi Dan Cabaran Pendidikan Di Malaysia. *Masalah Pendidikan*, 31(1). Universiti Malaya.
- Mior Jamaluddin, M.K.A. (2011). Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. *Sosiohumanika*. 4(1). 33-48
- Mohamed Yusof, M.H. (2008). *Perspektif Pensyarah dan Pelajar Kejuruteraan Mekanikal Terhadap Pendekatan Outcomes Based Learning (OBL) di Politeknik*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana.
- Mohayidin, M.G., Suandi, T., Mustapha, G., Konting, M.M., Kamaruddin, N., Man, N. A., Adam, A. & Abdullah, S. (2008). Implementation of Outcome-Based Education in Universiti Putra Malaysia: A Focus on Students' Learning Outcome. *International Education Studies*. 1(4). 147-160.
- Mohd Nor, M.J & Zaharim, A. (2007). *Perbandingan Pendekatan Pendidikan Sepadu dalam Pembelajaran Berasaskan Hasil (OBE) dengan Model*

- Pendidikan Islam*. Seminar Pendidikan Kejuruteraan dan Alam Bina 2007. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nor, M.J, Hamzah, N., Basri, H. & Wan Badaruzzaman, W.H (2005). Pembelajaran berasaskan Hasil: Prinsip dan Cabaran. *Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan 2005*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zain, S., Ahmad Basri, N.E., Basri, H. & Suja, F. (2005). Ke Arah Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) Dalam Kursus Pengenalan Kejuruteraan Sekitaran. *Seminar Pengajaran Dan Pembelajaran Berkesan 2005*. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). ms 46-53.
- Othman, H., Mohd Salleh, B., Al-Edrus, S.M.D. & Sulaiman, A. (2010). Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (PBM dan PBMBP) Bagi Meningkatkan Kemahiran Insaniah Pelajar. *Journal of Human Capital Development*. 1(1). 61-73
- Pang, M., Ming, T.H. & Man, R. (2007). *The Impact of Outcome-Based Teaching And Learning: A Case Study in Hong Kong (China)*. Oxford Business & Economics Conference City University of Hong Kong.
- Ramoroka, N.J. (2006). *Educator Understands of the Premises Underpinning Outcomes-Based Education and its Impact on their Classroom Assessment Practices*. University of Pretoria.
- Razali, S.N. (1996). *Analisis Data dalam Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rejab, M.R.M., M.Noor, M., M.Rahman, M., Sulaiman, A., Kadirgama, K., M.Sani, M.S., M. Rose, A.N., Zahid, M.N.O. & Bakar, R.A. (2008). Implementation of Outcome Based Education in the Faculty of Mechanical Engineering, Universiti Malaysia Pahang: An Experience. *4th International Conference on University Learning and Teaching (InCULT08)*. Shah Alam. Pp. 311-316.
- Rosemary L. Chang, R.L., Mann, L., Mazzolini, A., Stojcevski, A. & Lueckenhausen, G. (2010). Barriers and Enablers To The Implementation of Outcomes-Based Education: A Reflective Practice Perspective. *Joint International IGIP-SEFI Annual Conference 2010*. Trnava, Slovakia.
- Sari, S. (2004). *Pembelajaran Berasaskan Masalah Dalam Memberikan Langkah Penyelesaian Masalah, Motivasi Dan Minat Pelajar Terhadap Bab Litar Arus Terus: Satu Kajian Di Smk Bukit Katil, Melaka*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.

- Schmit, H.G., Dauphee, W.D., & Patel, V.L. (1987). Comparing The Effect of Problem Based Learning and Conventional Curricula in International Sample. *Journal of Medical Education*. 62(4). 305-315
- Sekaran , U. (2006). *Research Methods for Business : A Skill Building Approach*. New York : John Wiley & Sons.
- Siraj, S. & Shuib, A.S, (2004). Preferen Pelajar Terhadap Teknik Pengajaran Guru. *Jurnal Pendidikan 2004, Universiti Malaya*, 93-112.
- Spady, W. G. (1994). *Outcomes-Based Education: Critical Issues and Answers*. American Association of School Administration: Arlington, Virginia.
- Stroup, B. (2007). *Outcomes Based Learning: Stamped into the Future of Higher Education*. Weatherford Residential College. Oregon State University
- Sulaiman, F., Atan, H., Guan, S.W., Oong, L.K., M Jafri, M.Z. & M Idrus. R.(1995). Pembelajaran Fizik Menggunakan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah: Analisis Persepsi Pelajar. *Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-16-ICT dalam Pendidikan dan Latihan : Trend dan Isu*. Universiti Putra Malaysia.
- Sulong, R. (2002). *Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Mata Pelajaran Seni Reka Fesyen bagi Kursus Seni Reka Fesyen di Politeknik Johor Bharu*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana.
- Syed Yahya Kamal, S.A & Tasir, Z. (2010). *Pembelajaran Masa Depan Mobile Learning (M-Learning) Di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Tucker, B. (2004). *Literature Review : Outcomes-Focused Education In Universities*, Learning Support Network, Curtin University of Technology. Dicapai pada May 4, 2012 daripada <http://lsn.curtin.edu.au/outcomes/docs/LitReview.pdf>.
- Tzyy, C. L. (2007). *Hubungan Antara Pendekatan Pengajaran Guru Dengan Pendekatan Pembelajaran Pelajar Mata Pelajaran Kimia Tingkatan Empat*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Wan Badaruzzaman, W.H. (2006). Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Hasil(PHB). Dlm. Embi, EM. A. (Ed). *Panduan Amalan Pengajaran & Pembelajaran Berkesan*. ms. 28.41.
- Wiersma, W. (1995). *Research Methods in Education : An Introduction*. Massachusetts : Allyn and Bacon.

- Wills, S.&Kissane, B. (1997). *Achieving Outcome-Based Education: Premises, Principles And Implications For Curriculum And Assessment*. Education Department of Western Australia.
- Yahaya, A., Hashim, S., Ramli, J., Boon, Y. & Hamdan, A.R.(2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan : Teori, Analisis Dan Interpretasi Data*. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, Selangor.
- Yahaya, A, Hashim, S, Ramli, J, Boon, Y (2002), *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publisher.
- Yaman, A., Che Azemi, N., & Shamsudin, F.,(2011). *Kesediaan Pensyarah Dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PnP) Menggunakan Pendekatan Outcome Based Education (OBE) di Politeknik Port Dickson*. Politeknik Port Dickson.
- Yusoff, M. (2011, Mac 13). *Kemahiran Insaniah Mantapkan Graduan Harung Dunia Pekerjaan*. Berita Harian.
- Zhong, L.F. (2000). Are Learning Approaches And Thinking Style Related? A Study In Two Chinese Populations. *The Journal Of Psychology*. 134(4).